

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

(PENGERANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.10.2014

Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah JKDM akan mengambil kira kedudukan pihak-pihak tertentu sekiranya tidak mempunyai niat untuk mengelak daripada membayar cukai jualan tetapi berlaku salah faham berkaitan klasifikasi produk sebelum mengambil sesuatu tindakan untuk kesalahan tidak memohon lesen atau tidak membayar cukai jualan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya sesebuah syarikat meragui klasifikasi (penjenisan) barang siap yang hendak dikilangkan samada bercukai jualan atau sebaliknya, syarikat perlu terlebih dahulu mendapatkan nasihat serta kelulusan kod perjenisan barang siap berkenaan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Selepas itu, syarikat perlu membuat permohonan untuk dilesenkan bagi memulakan pengilangan jika barangan tersebut tertakluk kepada cukai jualan.

Keputusan mengenai kod perjenisan ke atas barang siap yang diragui dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam adalah muktamad dan tarikh kuatkuasa ke hadapan. Sekiranya syarikat didapati beroperasi tanpa lesen maka syarikat dikehendaki membayar balik jumlah cukai jualan yang tidak dibayar beserta penalti sebanyak 10% ke atas jumlah cukai yang perlu dibayar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 28 OKTOBER 2014

SOALAN : 28

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) hasil kutipan saman Automated Enforcement System (AES) dan kes yang sudah dibawa ke mahkamah sejak ianya mula dilaksanakan; dan
- (b) sejauh manakah ia dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Jumlah kutipan bayaran saman AES yang telah diterima semenjak dari AES dilaksanakan iaitu pada 23 September 2012 sehingga 31 Ogos 2014 adalah sebanyak RM51,434,650.00. Sebelum penangguhan pendakwaan bagi kes-kes AES di mahkamah pada 17 Disember 2012, sebanyak 10,136 kes telah dibawa dan didaftarkan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Berdasarkan analisis yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di 14 lokasi yang telah dipasang kamera AES, adalah didapati kemalangan maut bagi tempoh 8 bulan sebelum pelaksanaannya telah menurun daripada 19 kes kepada 12 kes bagi tempoh 8 bulan selepas pelaksanaannya. Ini bermakna AES telah berjaya mengurangkan sebanyak 7 kes kemalangan maut atau 36.84% bagi tempoh 8 bulan sahaja.

Selain itu, kajian MIROS menunjukkan secara purata kadar pematuhan had laju di enam lokasi kamera tetap AES adalah lebih kurang 63% sebelum pelaksanaan AES dan kadar pematuhan had laju meningkat kepada 91% selepas pelaksanaan AES bagi hari-hari bekerja (*weekdays*). Manakala bagi 4 kamera tetap AES di kawasan persimpangan lampu isyarat, kadar pelanggaran lampu isyarat

berwarna merah adalah 4.3% sebelum pelaksanaan AES dan menurun kepada 2.2% selepas pelaksanaan AES.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, kajian yang telah dijalankan di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa sistem ini dapat mengurangkan kematian akibat kemalangan jalan raya antara 17% dan 71%. Selain itu, kajian juga mendapati bilangan kenderaan memandu melebihi had laju menurun sebanyak 70%.